



The Observer

27.10.2023

❖ Sedikit renungan tentang ESOS

Ganjaran berasaskan saham seperti skim opsyen saham pekerja (*employee share option scheme*, ESOS) digunakan secara meluas sebagai imbuhan dan motivasi yang bertujuan mengekalkan pengarah dan pekerja atas sumbangan mereka kepada prestasi syarikat. Penyokong ESOS percaya bahawa pelaksanaan opsyen saham adalah kaedah yang berkesan untuk menyelaraskan kepentingan pengurus, pekerja dan pemegang saham.

Pada masa yang sama, penentang amalan ESOS berpendapat terdapat banyak cacat dan cela dalam mekanisme ESOS dan ia terbuka kepada pertikaian. Tegas mereka, eksekutif boleh mengaut durian runtuh daripada opsyen apabila nilai saham meningkat. Tetapi apabila harga saham jatuh, pelabur pula berdepan kerugian manakala eksekutif yang terlibat mungkin bernasib baik kerana mereka boleh memilih untuk tidak melaksanakan opsyen tersebut.

Lebih buruk lagi, insentif yang diberikan untuk harga saham terus meningkat supaya opsyen kekal dalam bentuk wang (*in the money*) mungkin menggalakkan sesetengah eksekutif untuk memberikan tumpuan secara eksklusif pada jangka masa terdekat dan mengabaikan kepentingan pemegang saham dalam jangka panjang. Opsyen juga boleh mendorong pengurus atasan untuk memanipulasi angka bagi memenuhi sasaran jangka pendek. Jika ini berlaku, ia langsung tidak membantu mengukuhkan hubungan antara pengurus atasan dan pemegang saham.

Opsyen ESOS dilaksanakan, kemudian disusuli rosot nilai dan peruntukan

Kami memilih ESOS sebuah syarikat tersenarai tempatan sebagai kajian kes yang menarik.

Pada Disember 2022, Syarikat menawarkan hampir 50 juta opsyen ESOS baharu kepada pengarah dan pekerja yang layak pada harga 38 sen sesaham. Kira-kira 80% daripada opsyen ESOS baharu ini telah ditawarkan kepada ketua pegawai eksekutif/ pengarah eksekutif Syarikat. 4% lagi ditawarkan kepada lima pengarah lain termasuk empat pengarah bukan eksekutif bebas.

Enam bulan kemudian, Syarikat mengumumkan penjejasan secara besar-besaran dengan ratusan juta dirosot nilai dan diperuntukkan dalam kunci kira-kiranya pada suku terakhir tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 April 2023 (tempoh kewangan

berakhir 2023). Ini mengakibatkan kerugian berjumlah ratusan juta direkodkan dalam tempoh kewangan tersebut.

Jumlah itu termasuk peruntukan tidak berulang untuk potensi liabiliti akibat kelewatan dalam projek sedia ada serta rosot nilai untuk penghutang yang masih tertunggak dan aset tidak ketara yang berkaitan projek utama Syarikat. Lembaga Pengarah mengaitkannya dengan gangguan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Syarikat juga mengumumkan perubahan akhir tahun kewangannya dari 30 Oktober 2022 kepada 30 April 2023 pada awal Januari 2023 dengan tujuan 'membolehkan ketersediaan sumber yang lebih baik serta menambah baik pengurusan audit dan pelaporan tahunan'.

Lebih-lebih lagi, inilah kali pertama Syarikat mencatatkan kerugian sejak disenaraikan lebih sedekad yang lalu. Dalam Laporan Tahunan 2023, Lembaga Pengarah menegaskan bahawa rosot nilai dan peruntukan yang dibuat adalah 'pragmatik dan tepat pada masanya bagi mencerminkan kedudukan kewangan Syarikat'.

Aset-aset diuji untuk kejelasan nilai secara berkala bagi mengelakkan terlebih nyata dalam kunci kira-kira. Aset seperti penghutang, aset tidak ketara dan aset tetap berkemungkinan besar akan mengalami rosot nilai. Apabila nilai sesuatu aset dikurangkan (dirosot nilai) dalam kunci kira-kira, kerugian akan direkodkan dalam penyata pendapatan.

Oportunis yang bermain dengan masa atau kebetulan semata-mata?

Dalam laporan tahunan Syarikat dinyatakan bahawa semua pengarah dan pekerja yang layak telah menerima sepenuhnya opsyen ESOS pada penghujung Januari 2023. Sesetengah pengarah melaksanakan opsyen mereka pada harga 38 sen sesaham dalam tempoh kewangan berakhir 2023. Opsyen ESOS ini tidak dinyatakan tempoh peletakan hak.

Tempoh yang singkat antara pemberian opsyen ESOS dan rosot nilai menimbulkan persoalan sama ada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Opsyen menyedari kemungkinan berlakunya rosot nilai apabila mereka menilai kelayakan pekerja dan pengarah apabila menawarkan opsyen ESOS.

Kriteria dan petunjuk prestasi utama (*key performance indicators*, KPI) yang digunakan untuk menawarkan opsyen kepada pengarah dan kakitangan utama hendaklah dimaklumkan kepada pemegang saham kerana ia amalan tadbir urus yang baik.

Untuk bersikap adil, Jawatankuasa Opsyen mungkin tidak menyedari rosot nilai yang akan berlaku apabila mereka menawarkan opsyen ESOS, lebih-lebih lagi selepas peletakan jawatan juruaudit luar. Bekas juruaudit luar Syarikat meletakkan jawatan pada 24 Oktober 2022 atas alasan 'percanggahan pendapat mengenai yuran audit yang tidak munasabah.' Syarikat melantik juruaudit luar baharu enam bulan kemudian.

MSWG telah membangkitkan persoalan kepada Lembaga Pengarah berhubung perkara di atas semasa AGM Syarikat. Lembaga menjelaskan bahawa tiada kebimbangan mengenai rosot nilai dibangkitkan kepada Lembaga sebelum

menawarkan opsi ESOS kepada pengarah dan pekerjanya. ESOS ditawarkan pada Disember 2022 dan penilaian untuk rosot nilai masih belum dibuat pada masa itu.

Peruntukan ESOS dibuat mengikut budi bicara Jawatankuasa Opsyen berdasarkan kriteria standard yang ditetapkan di bawah undang-undang kecil dan senarai penerima kemudiannya disahkan oleh Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Opsyen terdiri daripada bekas pengerusi Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif dan seorang pekerja. Umumnya, pengarah yang terlibat sepatutnya mengelak daripada perbincangan yang melibatkan imbuhan mereka sendiri di peringkat jawatankuasa dan lembaga pengarah.

Dulu, kini dan masa depan

Kebimbangan mula melanda beberapa bulan lalu berhubung kesihatan kewangan Syarikat, berdasarkan kunci kira-kirannya yang tidak seimbang, dengan lonjakan dalam aset kontrak dan aset tidak ketara serta aliran tunai operasi yang berterusan negatif.

Ketika Syarikat mula diselubungi krisis, harga sahamnya merudum ke paras terendah dalam tempoh beberapa tahun. Pada satu ketika, saham Syarikat didagangkan pada harga 27.5 sen pada pertengahan 2022 sebelum pulih kepada 90 sen pada masa ini.

Di tengah-tengah kemelut, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat meyakinkan orang ramai yang melabur bahawa kebimbangan ini timbul daripada salah faham umum terhadap model perniagaannya. Aliran tunai yang negatif adalah disebabkan oleh projek berasaskan konsesi yang memerlukan perbelanjaan modal intensif terlebih dahulu.

Pelabur dimaklumkan bahawa aliran tunai akan bertukar positif sebaik sahaja aset konsesi disiapkan dan seterusnya dapat menjana pendapatan yang stabil dan boleh diharapkan pada tahun-tahun akan datang. Selain itu, Syarikat yakin mereka tidak memerlukan modal tambahan bagi menyiapkan projek yang sedia ada.

Walaupun Syarikat telah memberikan jaminan berulang kali, tarikh operasi komersil untuk projek utamanya sekali lagi ditangguhkan. Memandangkan Syarikat menghadapi masalah tunai, saham telah pun diserahkan kepada pemegang saham baharu, dengan rombakan berlaku di peringkat lembaga pengarah dan pengurusan.

Rekod menunjukkan empat daripada enam pengarah yang menerima opsi ESOS telah meletakkan jawatan daripada Lembaga Pengarah selepas rombakan itu. Kemudian, Syarikat mengumumkan rosot nilai dan peruntukan secara besar-besaran – anda pasti tahu kisah selanjutnya.

Perlu diingatkan bahawa rosot nilai dan peruntukan adalah transaksi bukan tunai dan berpotensi untuk dibalikkan, tertakluk kepada rundingan yang berterusan dengan penghutang serta pengurangan ganti rugi tertentu yang ditetapkan (LAD), seandainya projek yang tertangguh dapat memulakan operasi lebih awal daripada yang dijangkakan.

Rosot nilai dan peruntukan perlu dibuat bagi menggambarkan kedudukan kewangan syarikat dengan tepat. Lembaga pengarah dan pengurusan juga hendaklah sentiasa berhati-hati dan berhemat apabila membuat anggaran dan pertimbangan mereka.

Sikap berhati-hati dan konservatif ini bertujuan mengurangkan sebarang risiko utama yang boleh menjejaskan perniagaan.

Bagaimanapun, rosot nilai aset yang ketara menyebabkan kesan negatif ke atas kunci kira-kira, sekaligus melemahkan keyakinan pelabur terhadap syarikat kerana pada akhirnya, para pemegang saham yang akan menerima tempias daripada perkembangan negatif ini.

Nampaknya CEO telah pun mengaut durian runtuh daripada pelaksanaan opsyen ESOS pada harga yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran meskipun Syarikat sedang berdepan kerugian yang besar. Walau bagaimanapun, mereka juga perlu diberikan kredit kerana berusaha mengemudi Syarikat keluar daripada krisis baru-baru ini yang menyaksikan harga saham kembali pulih dalam tempoh setahun.

Syarikat sudah pun kembali tenang selepas mengalami tahun yang mencabar. Buat masa ini, Syarikat berada dalam jadual untuk menyelesaikan baki projek utamanya dan sudah mula mengiktiraf pendapatan daripada beberapa aset konsesi.

Pelabur baharu yang melabur dalam Syarikat sejak tahun lepas mungkin meraih pulangan yang lumayan dengan pemulihan harga saham yang kukuh. Walau bagaimanapun, bagi pemegang saham jangka panjang, laluan pelaburan mereka ibarat permainan *roller coaster* dengan prestasi harga saham yang tidak menentu serta ketiadaan dividen dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Lim Cian Yai **Pengurus, Pemantauan Korporat**

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 30 Oktober hingga 3 November 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
30.10.23 (Isnin) 02.30 petang	Hong Leong Bank Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, HLB merekodkan pendapatan berjumlah RM5.686 bilion, menandakan peningkatan 1.6% tahun ke tahun, manakala untung bersih mencapai rekod sebanyak RM3.818 bilion, menunjukkan peningkatan memberangsangkan iaitu 16.1% berbanding tahun sebelumnya.</p> <p>Prestasi kewangan yang kukuh didorong oleh pertumbuhan pinjaman yang memberangsangkan sebanyak 8% pada tahun itu. Ia disumbangkan oleh peningkatan aktiviti perniagaan</p>

		dalam gadai janji, pinjaman kereta, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perbankan komersial.
30.10.23 (Isnin) 02.30 petang	Personic Holdings Berhad (AGM)	Keputusan kewangan Kumpulan bertukar rugi dengan kerugian bersih sebanyak RM4.0 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: untung bersih RM13.1 juta), selaras dengan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM273.2 juta berbanding RM325.0 juta setahun yang lalu. Pendapatan yang menyusut berpunca daripada perbelanjaan berhema dalam kalangan pengguna, tekanan inflasi yang berterusan serta peningkatan kos bahan. Kira-kira 70% daripada jumlah pendapatan Kumpulan diperoleh daripada pelanggan domestik. Kumpulan sedang mengambil langkah proaktif untuk mempelbagaikan aliran pendapatan serta meneroka peluang pertumbuhan baharu.
31.10.23 (Selasa) 10.00 pagi	KUB Malaysia Berhad (AGM)	Pada tahun kewangan 2023, untung bersih Kumpulan mencapai peningkatan 41% kepada RM33.9 juta (tahun kewangan 2022: RM24.1 juta) walaupun mencatatkan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM488.9 juta pada tahun tersebut (tahun kewangan 2022: RM548.0 juta). Peningkatan dalam untung bersih sebahagiannya didorong oleh pengiktirafan keuntungan daripada nilai saksama pelaburannya dalam KUB Sepadu Sdn Bhd, berjumlah RM13.4 juta serta lonjakan lebih 100% dalam keuntungan bahagian gas petroleum cair (<i>liquefied petroleum gas</i> , LPG).
31.10.23 (Selasa) 10.30 pagi	Hong Leong Financial Group Berhad (AGM)	HLFG mencatatkan untung sebelum cukai sebanyak RM5.1 bilion, dengan peningkatan 5.4% tahun ke tahun dan untung bersih sebanyak RM2.79 bilion, dengan peningkatan sebanyak 13.8% tahun ke tahun pada tahun kewangan 2023. Peningkatan prestasi

		<p>itu berpunca daripada sumbangan yang lebih tinggi daripada bahagian perbankan komersial (di bawah Hong Leong Bank) dan bahagian insurans, manakala bahagian perbankan pelaburan mencatatkan hasil yang lebih rendah.</p> <p>Segmen perbankan komersial menyumbang lebih 90% daripada keuntungan Kumpulan.</p>
01.11.23 (Rabu) 10.30 pagi	Hong Leong Industries Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat 39% tahun ke tahun, menandakan rekod pendapatan tertinggi berjumlah RM3.4 bilion pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM2.5 bilion). Untung sebelum cukai Kumpulan mencatatkan lonjakan ketara sebanyak 36% tahun ke tahun kepada RM512 juta daripada RM377 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Peningkatan dalam jualan motosikal menyumbang kepada pendapatan dan untung yang lebih tinggi.</p> <p>Sebagai sebahagian daripada strategi berterusan Kumpulan untuk menyelaraskan dan menyusun semula perniagaannya, Kumpulan menandatangani perjanjian muktamad untuk menjual perniagaan bukan terasnya iaitu produk simen gentian pada tahun kewangan 2023.</p>
02.11.23 (Khamis) 10.00 pagi	IOI Properties Group Berhad (AGM)	<p>Daripada tiga segmen perniagaan teras IOI Properties, segmen hospitaliti dan liburan mencatatkan lonjakan pendapatan paling besar iaitu sebanyak 85% pada tahun kewangan 2023, diikuti oleh segmen pelaburan hartanah sebanyak 35%.</p> <p>Segmen pelaburan hartanah menyaksikan peningkatan dalam pendapatan pajakan berulang, seiring dengan permulaan operasi di IOI City Mall Fasa 2, dengan penambahan kawasan boleh disewa bersih (<i>net lettable area, NLA</i>) sebanyak 1 juta kaki persegi pada suku pertama tahun kewangan 2023.</p> <p>Kumpulan mencatatkan untung sebelum cukai (<i>profit before tax, PBT</i>)</p>

		<p>yang teguh sebanyak RM1.62 bilion, menandakan peningkatan yang luar biasa iaitu 47% tahun ke tahun, manakala untung bersihnya (<i>profit after tax, PAT</i>) mencecah RM1.40 bilion, menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu 104% tahun ke tahun.</p> <p>Peningkatan yang ketara dalam PBT dan PAT ini didorong oleh keuntungan nilai saksama yang signifikan daripada hartanah pelaburannya. Kejayaan ini berkait rapat dengan penyiapan IOI City Mall Fasa 2 serta kelancaran penyepaduan operasinya dengan pusat beli-belah sedia ada.</p>
02.11.23 (Khamis) 02.30 petang	TMC Life Sciences Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan dan untung sebelum cukai masing-masing berjumlah RM311.4 juta dan RM40.9 juta, mewakili peningkatan sebanyak 28% dan 27% berbanding tahun kewangan sebelum ini.</p> <p>Pendapatan yang lebih tinggi sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan jumlah pesakit berikutan penambahan kapasiti operasi di Hospital Thomson Kota Damansara (THKD) pada tahun kewangan dalam tinjauan.</p> <p>THKD menambah 15 buah katil pada tahun kewangan, menjadikan jumlah kiraan katil kepada 314 katil pada 30 Jun 2023.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Hong Leong Bank Berhad (AGM)	<p>Walaupun terdapat peningkatan 27% tahun ke tahun dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (<i>loans, advances and financing, LAF</i>) terjejas kasar kepada RM1.04 bilion daripada RM819.75 juta pada tahun kewangan 2022 (halaman 226, Laporan Tahunan 2023), peruntukan kerugian ke atas pinjaman HLB meningkat sedikit kepada RM1.76 bilion (tahun kewangan 2022: RM1.74 bilion), menghasilkan nisbah perlindungan ke atas rosot nilai pinjaman (<i>loan impairment coverage, LIC</i>) yang jauh lebih rendah sebanyak 168.8%, berbanding 212% dan 247% pada tahun kewangan 2022 dan tahun kewangan 2021.</p> <p>a) Apakah pendirian dan pendekatan Bank sewaktu membuat rosot nilai untuk potensi kerugian pinjaman pada</p>

	<p>masa hadapan? Adakah nisbah LIC yang lebih rendah menunjukkan Bank kini menggunakan pendekatan yang kurang konservatif semasa menyediakan peruntukan untuk pinjaman ragu, berbanding penampungan yang bertahap tinggi yang disediakan semasa pandemik COVID-19?</p> <p>b) Adakah peningkatan dalam LAF yang terjejas kasar sebahagian besarnya didorong oleh Pelan Bantuan Pembayaran (<i>Payment Relief Assistance Plan</i>, PRAP) yang telah tamat tempoh? Apakah risiko rosot nilai terhadap jumlah RM1.4 bilion di bawah PRAP?</p>
<p>Pensonic Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan melaporkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM2.5 juta, berbanding untung sebelum cukai sebanyak RM14.8 juta pada tahun sebelumnya. Pendapatan yang lebih rendah menjejaskan prestasi kewangan secara keseluruhan, yang menyebabkan syarikat mengalami kerugian. (Halaman 10, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Perbelanjaan pentadbiran meningkat 7.5% kepada RM29.8 juta berbanding tahun sebelumnya (Halaman 60, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Sudahkah Kumpulan menetapkan sasaran untuk mengurangkan kos tetap pada tahun kewangan 2024 bagi meningkatkan keuntungannya? Jika sudah, sila huraikan sasarannya, selain tambahan kepada strategi kawalan kos yang dinyatakan di halaman 12, Laporan Tahunan 2023.</p>
<p>KUB Malaysia Berhad (AGM)</p>	<p>Pada 30 Jun 2023, tunai dan kesetaraan tunai KUB adalah sebanyak RM405.6 juta berbanding jumlah pinjaman sebanyak RM41.1 juta. Ini menjadikan KUB sebuah syarikat tunai bersih dengan tunai bersih berjumlah RM364.5 juta atau bersamaan 65.5 sen sesaham berdasarkan jumlah saham yang diterbitkan iaitu sebanyak 556.46 juta saham (Halaman 75, 76 Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Sebagai perbandingan, saham KUB didagangkan pada 55 sen pada 10 Oktober 2023. Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi 62.6% daripada aset KUB yang berjumlah RM647.5 juta.</p> <p>Dalam AGM yang lepas telah disebutkan bahawa KUB merancang untuk menjimatkan wang tunai sebanyak mungkin kerana KUB sedang meneroka beberapa peluang pengembangan organik dan bukan organik.</p> <p>a) Sila huraikan hala tuju yang sesuai untuk pengembangan KUB.</p> <p>b) Sambil meneroka peluang pengembangan, adakah KUB akan mempertimbangkan pelaburan jangka pendek yang menjana hasil pulangan yang lebih baik berbanding faedah bank?</p>

<p>Hong Leong Financial Group Berhad (AGM)</p>	<p>Nilai Tersirat Perniagaan Baharu (<i>New Business Embedded Value</i>, NBEV) Hong Leong Assurance Berhad (HLA) bagi tahun kewangan 2023 adalah lebih rendah iaitu RM178 juta berbanding RM200 juta pada tahun sebelumnya. Ini disumbangkan oleh premium tetap perniagaan baharu (<i>new business regular premium</i>, NBRP) yang lebih rendah daripada saluran agensi dan bankasurans.</p> <p>a) HLA akan memberikan tumpuan kepada membina sebuah agensi profesional yang produktif demi menambah baik pengedaran produknya. Apakah kekuatan dan kelemahan yang dikenal pasti dalam kalangan pasukan agensi HLA?</p> <p>b) Apakah kadar pengekalan pelanggan HLA dan apakah purata saiz polisi untuk setiap pelanggan? Apakah kecenderungan pelanggan sedia ada untuk memperbaharui polisi mereka? Secara purata, berapakah kos untuk mendapatkan pelanggan baharu berbanding kos untuk mengekalkan pelanggan sedia ada?</p> <p>c) Memandangkan pasukan agensi HLA secara beransur-ansur beralih arah kepada mengedarkan lebih banyak produk perlindungan, justeru menghasilkan perlindungan yang lebih tinggi dan nisbah campuran premium simpanan yang lebih rendah iaitu 38:62 berbanding 24:76 pada tahun kewangan 2022 (halaman 29, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Mengapakah pasukan agensi mengalihkan tumpuan mereka untuk mengedarkan lebih banyak produk perlindungan? Apakah kesannya kepada HLA dari segi margin dan keuntungan?</p> <p>Jika trend ini berterusan, adakah ia akan menyebabkan nisbah tuntutan yang tinggi pada masa hadapan?</p>
<p>Hong Leong Industries Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mempunyai peruntukan untuk inventori yang bergerak perlahan berjumlah RM6.1 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 berbanding pembalikan peruntukan inventori yang bergerak perlahan sebanyak RM9.3 juta pada tahun kewangan berakhir 2022. (Nota 24, halaman 164, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Berapa banyakkah daripada inventori yang bergerak perlahan ini berkaitan motosikal dan jubin? Apakah yang menyebabkan inventori ini bergerak perlahan? Apakah langkah yang perlu diambil oleh Kumpulan untuk menangani inventori yang bergerak perlahan ini?</p>
<p>IOI Properties Group Berhad (AGM)</p>	<p>Segmen perniagaan pembangunan hartanah merekodkan pengurangan yang ketara iaitu sebanyak RM637.88 juta pada tahun kewangan 2023, mewakili 21% daripada jumlah baki inventori hartanah siap Kumpulan bagi tahun kewangan 2022. Ini menjadikan jumlah inventori yang masih belum terjual pada 30 Jun 2023 sebanyak RM2.41 bilion. (Halaman 72, Laporan Tahunan Bersepadu)</p>

	<p>a) Apakah sasaran pengurangan inventori hartanah siap Kumpulan pada tahun kewangan 2024 daripada segi unit dan nilai?</p> <p>b) Bagaimanakah Kumpulan berjaya menurunkan jumlah inventori hartanah siap sebanyak 21% pada tahun kewangan 2023?</p> <p>c) Sila berikan pecahan hartanah siap yang dijual pada tahun kewangan 2023 mengikut lokasi projek, dari segi unit dan nilai hartanah.</p>
TMC Life Sciences Berhad (AGM)	<p>Pada 30 Jun 2023, penghutang perdagangan yang melepasi tempoh atau sudah dirosot nilai adalah sebanyak RM21.2 juta (tahun kewangan 2022: RM13.2 juta), mewakili 51% daripada penghutang perdagangan. (Setakat 30 Jun 2022: 44%) (Halaman 167, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan kadar penghutang perdagangan yang lampau tempoh atau dirosot nilai?</p> <p>b) Apakah strategi dan sasaran yang ditetapkan oleh Kumpulan untuk meningkatkan kawalan kredit serta memulihkan penghutang perdagangan, seiring dengan pendapatan yang semakin meningkat?</p> <p>c) Berapakah daripada jumlah penghutang perdagangan yang dirosot nilai ini telah berjaya dikutip semula sehingga kini?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)

Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)

Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada

pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.